



## DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU2212 BAHASA KEBANGSAAN A**  
Trimester & Year : May - August 2019  
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:  
**PART A (30 marks)** : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.  
**PART B (70 marks)** : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)  
Answers are to be written in the Answer Booklet provided.
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 11 (Including the cover page)

## BAHAGIAN B

### SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)

ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

#### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

##### Petikan (i)

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

Kemudahan penjagaan kesihatan di negara ini adalah antara yang terbaik berikutan perbelanjaan besar yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan. Namun begitu, masih ramai yang lebih gemar mendapatkan khidmat rawatan masalah kesihatan mereka di hospital swasta.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ada dalam kalangan masyarakat yang memilih rawatan di pusat penjagaan kesihatan swasta. Antaranya, mereka tidak suka menunggu lama seperti di hospital awam. Jika di hospital swasta, mereka akan dilayan dengan cepat dan tidak perlu menunggu sehingga berjam-jam lamanya untuk mendapatkan rawatan. Mungkin ada antara mereka tidak gemar dengan situasi menunggu kerana mempunyai hal-hal lain yang lebih penting. Seterusnya, ada juga yang tidak berpuas hati dengan rawatan yang diberikan oleh hospital kerajaan dan mahu mendapatkan pendapat kedua daripada doktor-doktor di hospital swasta. Malahan, di hospital swasta mereka boleh memilih pakar dimahukan oleh mereka. Di hospital swasta, tidak ada banyak halangan untuk kaum keluarga dan rakan datang melawat. Mereka boleh datang bila-bila masa sahaja dan dilayan dengan baik.

Namun begitu, kos rawatan di hospital swasta begitu tinggi. Kebiasaannya, kes pesakit luar di hospital swasta yang dirujuk kepada pakar boleh mencecah ke angka ratusan atau ribuan ringgit. Untuk perkhidmatan rundingan pakar Ortopedik misalnya, caj yang dikenakan oleh hospital swasta adalah antara RM20 hingga RM50 tidak termasuk ubat dan kos kemudahan rawatan yang disediakan. Dengan kata lain, tidak ada yang percuma di hospital swasta. Malahan, ada juga pesakit yang akan dikenakan caj tambahan bagi sesetengah rawatan yang tidak perlu. Kos tinggi ini terpaksa ditanggung oleh pesakit semata-mata untuk mendapatkan layanan dan perkhidmatan yang lebih baik di hospital swasta. Hal ini dapat menunjukkan bahawa sekarang ini wang ringgit dan keuntungan lebih menjadi keutamaan. Sifat tamak yang menguasai doktor dan keuntungan yang perlu diperoleh oleh hospital swasta menyebabkan mereka sanggup mengenepikan pesakit untuk kes-kes kecemasan, apatah lagi bagi golongan yang miskin dan tidak berkemampuan. Hal ini sepatutnya tidak wajar berlaku kerana tempat ini ialah pusat perubatan ternama dan melibatkan doktor yang mengaku dirinya pakar.

Peningkatan taraf hidup rakyat tidak seharusnya dijadikan asas untuk mengkorporatkan atau menswastakan hospital awam. Oleh itu, langkah pengkorporatan perlu dilakukan secara beransur-ansur bagi mengelakkan kenaikan kos rawatan secara mendadak. Ciri-ciri kemewahan tidak sepatutnya dibiarkan menghiasi hospital-hospital swasta sehingga menjadikannya seperti hotel bertaraf lima bintang. Peranan dan tanggungjawab hospital ini harus dikembalikan semula pada landasan sebelum **jauh tersasar** daripada matlamat asalnya.

Kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit untuk menyediakan serta meningkatkan kemudahan penjagaan kesihatan awam di negara ini. Kesimpulannya, kecemerlangan serta profesionalisme tetap wujud di hospital awam yang merupakan permata dalam sistem kesihatan di Malaysia.

1. Terangkan maksud frasa **jauh tersasar** seperti yang terdapat dalam petikan di atas. **(2 markah)**
2. Nyatakan **EMPAT (4)** sebab masyarakat lebih suka memilih hospital swasta. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** kelebihan hospital kerajaan jika dibandingkan dengan hospital swasta? **(4 markah)**

**Petikan (ii)**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan perkataan sendiri.

Liza meluruskan bongkoknya. Menarik nafas dan meleretkan pandangan ke kawasan sekitar. Ada petak yang sudah bertanam. Ada petak yang sedang dibajak. Ada petak yang berair keruh, tenang menunggu masa untuk ditanam padi. Di sebelahnya, **kaum ibu sedang rancak berderau**.

“Aik...dah penat?” Mak Ngah Mah menyapa Liza.

“Tak.. Cuma rasa lenguh sikit..,” balas Liza bersahaja. Ekor matanya masih kejauhan ke arah deru kereta api yang membelah lautan sawah padi menghala ke selatan. Tentu sebentar tadi kereta api itu singgah di Stesen Kecil Kodiang, denyut hati kecil Liza.

“Kalau letih rehatlah dulu. Air dan pulut lemak ada dalam raga tepi batas tu..,” kata Mak Ngah Mah lagi.

“Orang U tak layak turun sawah begini...,” sampuk Kak Yan.

“Siapa kata?”

“Bukankah begitu? Orang U biasanya nak jadi pegawai, nak duduk di dalam pejabat,” sambut Mak Long Denah pula.

“Itu dulu. Sekarang lain. U tu tempat cari ilmu Mak Long...”

“Erm, entahlah. Aku lihat anak Si Mail dan Si Dollah tu asyik buang masa saja. Kata tunggu kerja,” tambah Mak Long Denah sambil membetulkan topi mengkuang di kepalanya.

“Tunggu kerja apa? Di kampung ni seribu satu macam kerja boleh dibuat Mak Long. Cuma sikap sendiri saja perlu diubah.” Liza sudah melangkah mengikut yang lain.

Tiada apa-apa reaksi. Masing-masing sibuk menanam anak padi ke dalam lumpur. Kuku kambing digunakan. Liza teragak-agak. Masih tidak mahir. Kadangkala dirasainya lebih cepat kalau tidak menggunakan kuku kambing apabila menanam. Tetapi apabila berjumpa dengan tempat yang agak keras, perit juga menekan anak padi dengan jari. Jadi terpaksalah merangkak-rangkak Liza menggunakan kuku kambing juga.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa **kaum ibu sedang rancak berderau?** **(2 markah)**
2. Berdasarkan petikan cerpen tersebut, nyatakan **DUA (2)** perwatakan Liza dengan memberi huraian yang sesuai. **(4 markah)**
3. Pada pendapat anda, nyatakan **DUA (2)** sebab ramai graduan di Malaysia menganggur dengan huraian yang jelas. **(4 markah)**

## **TATABAHASA (20 markah)**

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

(a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. menjunjung **(2 markah)**
- II. menggalas **(2 markah)**
- III. mengepit **(2 markah)**
- IV. menarik **(2 markah)**
- V. mengheret **(2 markah)**

**(10 markah)**

(b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Teh melangsing bertindak sebagai julat atau ubat pencucian perut yang membantu mengosongkan kandongan usus, dan perut akan perasa kosong untuk jangkaan masa yang lebih lama. Biasanya, produk seperti ini akan ditambah dengan bahan-bahan lain untuk melangsingkan tubuh badan dengan cepat.

**(10 markah)**

**SOALAN 2**  
**ARAHAN**

**: SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

---

**KARANGAN**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Industri pelancongan merupakan penyumbang utama ekonomi negara. Bincangkan usaha-usaha yang patut dilakukan untuk menarik pelancong asing untuk datang ke Malaysia.

**ATAU;**

2. Kewujudan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang bagaikan ‘cendawan tumbuh selepas hujan’ ini membawa pelbagai kesan positif dan negatif kepada kita. Bahaskan.

**ATAU;**

3. Tulis sepucuk surat aduan kepada pihak berkuasa tempatan mengenai masalah anjing liar di kawasan perumahan anda.

**KERTAS SOALAN TAMAT**